



Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 5 Januari 2022

Nestlé Malaysia Sumbang Barangan Keperluan Sekolah Kepada Lebih 2,000 Pelajar Di Seluruh Negara

Sejumlah RM650,000 Disumbangkan Menerusi Program Kembali Ke Sekolah

Dengan bermulanya sesi persekolahan tidak lama lagi, Nestlé Malaysia baru-baru ini berganding bahu dengan pertubuhan bukan kerajaan, Persatuan Empayar Kebajikan Malaysia (*Empire Project*), untuk menghulurkan bantuan kepada lebih daripada 2,000 pelajar sekolah di seluruh negara sebagai sebahagian daripada inisiatif Kembali Ke Sekolah (*Back-2-School*) anjurannya.

Di bawah program ini, Nestlé mengerahkan sukarelawan Nestlé Cares untuk mengagihkan pek bekalan persekolahan kepada pelajar di seluruh Lembah Klang, termasuk Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, dan juga di Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Dengan sumbangan bernilai RM650,000, pek persekolahan tersebut mengandungi kelengkapan asas termasuk pakaian seragam sekolah baharu, beg galas, set alat tulis, bekas makanan dan minuman. Turut diagihkan ialah Kit Penjagaan COVID-19 yang mengandungi pelitup muka, perisai muka dan pensanitasi tangan percuma, bersama beg hadiah mengandungi produk-produk bermutu tinggi dari pelbagai jenama Nestlé seperti MILO, NESTUM, NESPRAY dan Bijirin Sarapan Nestlé, untuk membolehkan kanak-kanak memulakan hari mereka dengan sarapan berkhasiat.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé Malaysia berkata, "Sebagai sebahagian daripada usaha pemulihan pandemik yang sedang dilaksanakan dan sejajar dengan komitmen kami untuk membina masa depan lebih cerah untuk semua, menerusi inisiatif ini kami ingin membantu pelajar menikmati pengalaman kembali ke sekolah yang positif dan selamat dengan membekalkan mereka dengan barangan keperluan sekolah. Selepas sekian lama duduk di rumah untuk menjaga keselamatan di tengah-tengah pandemik dan juga situasi

banjir baru-baru ini di dalam negara, kami berharap semua kanak-kanak akan memulakan tahun persekolahan dengan sinar harapan baharu pada 2022.”

En. Ashraff Khan Md. Najib, Pengasas *Empire Project* menambah, “Kami mengalu-alukan peluang untuk sekali lagi bekerjasama dengan Nestlé Malaysia dalam inisiatif ini. Selain daripada membantu kanak-kanak membuat persiapan untuk tahun akademik baharu, program Kembali Ke Sekolah ini juga membantu meringankan beban ibu bapa, lebih-lebih lagi dalam keadaan semasa yang mencabar selepas pandemik COVID-19.”

Secara keseluruhan, Nestlé Malaysia telah menyumbang lebih RM11 juta bagi inisiatif sokongan masyarakat pada 2021, di samping RM15 juta pada 2020. Aktiviti Kembali Ke Sekolah ialah program di bawah Nestlé Cares, platform global Nestlé yang bertujuan menyemai budaya sukarelawan dalam kalangan kakitangan.

-tamat-

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan “GOOD FOOD, GOOD LIFE” kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: +603 7965 6456
Bimbit: +6012 235 6865
E-mel: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
Bimbit: +6010-221 8216 (Alya) atau
E-mel: +6017-237 9048 (Yasmin)
acorncommunications@acornco.com.my